

26 MAR 1996

Mahathir-Bakun

SETIAP PEMBANGUNAN PERLUKAN PENGORBANAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ali Mamat

WELLINGTON, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada ketikanya sedikit pengorbanan terpaksa dilakukan demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Bagaimanapun, pengorbanan itu tidaklah sampai menimbulkan kemusnahan kepada alam sekitar seperti yang didakwa oleh sesetengah badan bukan kerajaan (NGO).

"Kita akan tetap memelihara alam sekitar. Tetapi pada masa yang sama kita juga perlu mengutamakan kesejahteraan rakyat agar mereka dapat turut mencapai kemajuan seperti rakyat di negara-negara maju," katanya ketika menjawab beberapa soalan pada perjumpaan beliau dengan kira-kira 200 pelajar dan anggota masyarakat Malaysia di New Zealand, di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan empat hari ke negara ini memberi jaminan bahawa sekurang-kurangnya 70 peratus muka bumi Malaysia akan kekal diliputi kehijauan tumbuh-tumbuhan termasuk 50 peratus hutan asli dan 20 peratus lagi dalam bentuk tanaman pertanian seperti kelapa sawit dan getah.

Katanya, tuduhan yang dilemparkan oleh sesetengah NGO kononnya kerajaan memusnahkan cara hidup kaum Penan di Sarawak berikutan pembinaan Empangan Hidro Bakun adalah karut dan sengaja dicituskan agar kaum itu terus tinggal dalam kemunduran.

Menurut beliau, NGO yang dipergunakan oleh sesetengah negara maju itu ternyata lebih suka melihat kaum Penan terus menggunakan sumpitan dan masuk ke hutan memburu kera untuk menyara kehidupan daripada terbabit sama dalam arus perdana pembangunan negara.

Katanya negara perlu kepada sumber tenaga yang murah seperti yang bakal dihasilkan oleh Empangan Bakun bagi merencanakan pertumbuhan industri dan seterusnya mempercepatkan pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Ketika menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata sebuah masyarakat Malaysia yang penyayang hanya dapat diwujudkan sekiranya rakyat pelbagai kaum menunjukkan kepekaan terhadap satu sama lain dan tidak mengharapkan kerajaan semata-mata mempamerkan sikap penyayang itu kepada rakyat.

Pada pertemuan kira-kira dua jam itu, Dr Mahathir juga menjawab soalan-soalan yang berkaitan masalah dadah, kedudukan pelajar yang ditaja oleh MARA, masa depan bahasa Inggeris dan soalimbangan pembangunan rohani dan jasmani.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengunjungi Gabenor-Jeneral New Zealand Sir Michael Hardie Boys di Rumah Kerajaan. Malam ini beliau diraikan oleh rakan sejawatannya Jim Bolger pada majlis jamuan tidak rasmi di kediaman rasmi Perdana Menteri di sini. -- BERNAMA

AM NMO